


# PM, pemimpin G15 tolak unilateralisme

Dasar kuasa besar punca dunia semakin tidak aman



**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi serta pemimpin negara membangun lain dari Kumpulan 15 (G15), semalam senada mengutuk kecenderungan kuasa besar mengamalkan dasar unilateralisme tanpa menghiraukan undang-undang antarabangsa.

"Dunia terus dibebani masalah keamanan dan ancaman keselamatan. Undang-undang dunia tidak dihiraukan, manakala unilateralisme terus digunakan.

"Kita terus menyaksikan penolakan terhadap usaha mengubah struktur ekonomi dan kewangan antarabangsa. Usaha negara membangun untuk melaksanakan agenda pembangunan juga terhalang," katanya dalam ucapan pada Sidang Kemuncak G15 sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) ke-14.

Nada sama disuarakan pemimpin negara G15 lain ketika berucap pada sidang itu, termasuk seteru kuat Amerika Syarikat, Presiden Venezuela, Hugo Chavez dan Pemangku Presiden Cuba, Paul Castro.

Perdana Menteri berkata, kependudukan kuasa besar itu menyerahkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) semakin lemah, manakala perbincangan mengenai perdagangan antarabangsa gagal mencapai kemajuan dan sistem kewangan dunia kekal tidak stabil.

Beliau juga berkata, pengagihan kekayaan global tidak dilaksanakan secara adil manakala usaha mencapai pembangunan alaf tidak mencapai banyak kemajuan.

Datang proses itu, katanya, ketidakadilan terhadap negara memba-

ngun meningkat sehingga Lubnan diceroboh dan kependudukan haram Wilayah Palestin berterusan tanpa penyelesaian konkrit.

Justeru, Abdullah berkata, semua isu berkenaan perlu ditangani untuk mewujudkan dunia yang lebih adil, sama rata dan aman.

"Kita perlu berganding bahu menyusun semula PBB, sekali gus mengukuhkan proses multilateral. Proses pendemokrasian yang lebih terbuka perlu diwujudkan. Begitu juga usaha meningkatkan kuasa Perhimpunan Agung PBB dan bukan mengukuhkan Majlis Keselamatan.

"Masyarakat antarabangsa perlu bersatu mengukuhkan sistem PBB dalam isu pembangunan. G15 mampu memainkan peranan jika bersatu dalam pelbagai strategi dan polisi berhubung sesuatu perkara," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, G15 perlu meningkatkan usaha untuk

FAKTA

## Kumpulan 15

- G15 ditubuhkan untuk meningkatkan kerjasama dengan pertubuhan antarabangsa, seperti Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) yang pada awalnya dianggotai 15 negara kini meningkat 18 negara
- Negara anggota G15 ialah **Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Iran, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico/Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela** dan Zimbabwe

mengukuhkan kerjasama perdagangan dan pelaburan sesama negara anggota, yang menjadi objektif asal penubuhannya tetapi gagal mencapai kemajuan sepenuhnya.

Katanya, Malaysia yakin ia boleh dilaksanakan kerana statistik menunjukkan perdagangan dengan negara G15, pelaburan asing langsung (EDI) dan pelaburan ke negara anggota meningkat setiap tahun.

"Sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam, (OIC), pelancaran program membangunkan keupayaan untuk meningkatkan prestasi ekonomi dan pertumbuhan serta mengurangkan kemiskinan boleh digunakan G15," katanya.

Hari ini, Abdullah menyampaikan ucapan terakhir sebagai Pengerusi NAM pada sidang kemuncak dua hari itu. Selain, Chavez, hadir sama pada persidangan kali ini ialah Presiden Iran, Mahmoud Ahmadinejad.